



“Kita dapat lihat pemikiran dan kemanusiaan di sebalik Dharmawijaya yang dianggap sasterawan rakyat dan penyair petani yang mengangkat kehidupan serta masalah masyarakat Melayu yang berteraskan pertanian, tetapi menyediakan pengiktirafan sedemikian berlegar hanya di kalangan orang sastera”

Isham Hamzah
Calon Sarjana UPM

Dharmawijaya penyair rakyat

Rapat dengan dunia petani yang sering dipinggirkan dalam pembangunan

Oleh Nazmi Yaakub
nazmi@bharian.com.my

SEMINAR Kesusasteraan Dharmawijaya dalam Kenangan memperakuan Dr Kamaruzaman Abdul Kadir sebagai penyair rakyat kerana karyanya akrab dengan dunia petani sehingga beliau seolah-olah menjadi ‘petani’ yang menabur benih puisi.

Kepenyairan Dr Kamaruzaman atau lebih dikenali sebagai Dharmawijaya dilihat sangat konsisten dalam menuai benih puisi yang menumbuhkan sensitiviti dan keprihatinan terhadap nasib petani yang pada tanggapannya sering terpinggir.

Meskipun kepenyairan Penerima Anugerah Penulisan Sea 1993 itu tumbuh dalam iklim pemikiran dan semangat patriotisme kuat berakar di Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI), penyair itu, amat komited dalam mengungkapkan puisi dengan diksi yang rapat dengan masyarakat petani.

Pensyarah Fakulti Pendidikan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Naffi Mat, memperakuan perkara terbabit ketika memperkatakan *Pengkaedahan Melayu dan Puisi Dharmawijaya*, pada seminar an-

juran Fakulti Bahasa Modern dan Komunikasi (FBMK).

Beliau mengangkat penyair itu sebagai seniman dan penyair besar tanah air selain penyair rakyat bermula puisi pertama sehingga yang terakhir.

“Sikapnya tegas dan berani sehingga kita dapat melihat sumbangannya moralnya untuk menyedarkan masyarakat betapa hidup memerlukan perjuangan yang tinggi walaupun berdepan dengan pelbagai kerepek birokrasi dan halangan hidup,” katanya.

Tidak ketinggalan, Naffi turut melihat penyair kelahiran Kampung Talang, Tanjung Ipoh, Negeri Sembilan itu sebagai bauran antara penyair rakyat yang bersemangat nasionalis dan penyair intelektual yang tidak pernah putus ideanya dalam membela nasib bangsa serta manusia.

Konsisten nada kepenyairan Dharmawijaya itu, turut diperakuan Sarjana Tamu FBMK, Datuk Dr Ahmad Kamal Abdullah atau lebih dikenali sebagai Kemala, yang memperincikan lima puisi terakhir tokoh itu; *Di Kampung Talang yang Kukenang* pada 2001 dan *Restu Si Ibu Kandung* (2002), selain puisi pada 2003, *Dikaulah Pelita, Kurasakan* dan *Di Belantara Kerikil*.

Kemala ketika melapah *Pesan Dharmawijaya dalam Puisi Terakhinya*, berkata suara dan sikap penyair itu dalam lima puisinya, memperlihatkan jiwa kepenyairan yang positif mewakili keyakinannya kepada masa depan petani, nelayan dan buruh.

“Beliau boleh dianggap sebagai petani Melayu yang menjunjung nilai moral yang tinggi dan pada masa sama penghargaannya kepada guru dan matakab tidak pernah luntur,” katanya.

Meskipun puisinya meluahkan sensitiviti terhadap nasib petani, Pensyarah FBMK UPM, Halimah Hassan, menyifatkan penyair itu sebagai unik kerana menggunakan judul indah dan tidak menggambarkan kelaraan petani walaupun membicarakan keperitan golongan terbabit.

“Hal ini berlaku kerana Dharmawijaya penyair yang sentiasa menghormati perasan orang lain seperti diperlihatkan pada puisinya, *Cinta Sayang di Sawah Ladang*,” katanya ketika membincangkan *Petani Lara* dalam Puisi Dharmawijaya dan Beberapa Penyair Arab yang disediakan bersama-sama Dr Pabiyyah Tok-lubok@Hajimaming,

Halimah berkata, dalam nada sinis, tetapi sopan dan lembut lagi tajam, disampaikan dengan baik dan menyakinkan, sekali gus membekalkannya dengan penyair lain yang seangkatan seperti Sasterawan Negara (SN), Datuk Abdullah Hussain dan SN Keris Mas yang lantang dan sinis terhadap sesuatu itu.

Pensyarah Fakulti Pendidikan UPM, Shamsuddin Othman, tidak menafikan Dharmawijaya sebagai penyair yang lokek bermain dengan diksi Islam, tetapi menegaskan keperibadian dan kepenggarangannya tidak menolak konsep sastera Islam.

“Dalam perkiraan yang bersandarkan konsep Rasa Insaniah dan Puitika Melayu, beliau bukan saja dilihat berjaya menyuburkan gagasan ini, bahkan kepenyairannya lebih dekat dengan diksi Melayu yang halus dan menyentuh.

“Sese kali ketika menarakrifkan puisi Dharmawijaya, kita seolah-olah dihanyutkan dengan perubahasa Melayu dan sese kali kita seolah-olah berada dalam situasi bawah sedar yang mabuk dengan kehalusan pengucapannya,” katanya ketika melapah *Unsur Islam dalam Puisi Dharmawijaya*.



“Seminar ini berjaya membongkar keperibadian Allahyarham melalui penelitian mendalam terhadap gaya hidup peribadi, ketekalan, cabaran serta nilai estetika penuh kejujuran yang mengalir dalam setiap karya penyair”

Zulfazlan Jumrah
Penulis muda